

Soalan 2 Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang ciri-ciri remaja berwawasan. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Ujian 2

Remaja seharusnya mempunyai nilai-nilai keinsanan yang syumul dalam menempuh milenium yang sarat dengan cabaran globalisasi. Ciri-ciri remaja yang kamil penting untuk membangunkan negara. Lebih penting lagi, "darah setampuk pinang" inilah yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan negara.

Berakhlak mulia merupakan ciri remaja yang berwawasan. Hal ini demikian kerana, akhlak yang luhur datang daripada hati yang bersih. Remaja yang berakhlak mulia senang didampingi, malah dapat meraih rasa hormat daripada masyarakat sekeliling. Remaja ini juga sentiasa berusaha untuk menghindar diri daripada bergaul dengan remaja yang bermasalah.

Selain itu, remaja yang berwawasan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan ekstensif. Remaja berwawasan akan sentiasa berusaha untuk mencari ilmu dan sentiasa dahaga akan ilmu. Sikap taat akan agama sudah pasti dapat melahirkan individu yang berakhlak mulia kerana semua agama di dunia menyeru perkara yang membawa kebaikan dan melarang kemungkaran. Remaja yang berakhlak mulia sudah pasti dapat membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk.

Di samping itu, remaja yang berwawasan sentiasa gigih untuk menggapai menara impian. Sudah tentu budaya pesimistik dan culas dapat dikikis demi mencapai kejayaan. Remaja yang berwawasan juga gigih berusaha menggunakan setiap detik dan waktu agar diisi dengan perkara yang bermanfaat kerana masa itu emas. Masa yang pergi tidak mungkin akan kembali.

Sementelahan itu, mempunyai semangat patriotik juga merupakan salah satu ciri remaja yang berwawasan. Mereka akan berusaha untuk menjaga nama baik negara serta berusaha untuk menaikkan nama negara. Remaja yang berwawasan akan turut berusaha untuk mengekalkan perpaduan yang sudah sedia terjalin sesama manusia.

Semua pihak mestilah bergabung tenaga untuk melahirkan remaja yang berwawasan. Hal ini demikian kerana, remaja yang berwawasan mampu menjadikan Malaysia terkenal di pelosok dunia pada masa akan datang.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Ciri-Ciri Remaja Berwawasan',
Dewan Siswa, April 2012)

Antara ciri remaja berwawasan ialah _____.

Selain itu, _____. Di samping itu, _____.

_____. Seterusnya, _____.

_____. Akhir sekali, _____.